

Sembang @ Waghih

BIL.5

2 DISEMBER 2025

(11 JAMADILAKHIR 1447H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTM CNS)

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

MEMBURU KEBERKATAN HIDUP

Keberkatan hidup bukan sekadar banyaknya harta, panjangnya usia atau tingginya kedudukan, tetapi ia adalah rahmat halus daripada Allah yang menjadikan sesuatu sedikit terasa banyak, yang sempit terasa lapang, dan yang susah terasa mudah. Ramai manusia mengejar kejayaan, kekayaan dan nama, tetapi hanya sebahagian yang benar-benar mengejar keberkatan. Sedangkan keberkatan inilah yang menentukan ketenangan, kebahagiaan, serta keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Makna Keberkatan Menurut Islam

Perkataan barakah dari sudut bahasa bermaksud kebaikan yang banyak dan berterusan. Dari sudut syarak, keberkatan ialah apabila Allah memasukkan kebaikan yang melimpah ke dalam sesuatu sehingga membawa manfaat yang tidak putus-putus, meskipun nampak sedikit pada zahir.

Allah berfirman:

فِيهَا يُفَرَّقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ

Maksudnya: "Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah." (Surah ad-Dukhan, 44:4)

Para ulama menafsirkan bahawa keberkatan ialah apabila urusan seseorang dipandu oleh petunjuk Allah sehingga apa yang dilakukan menjadi baik dan bermanfaat.


Keberkatan Datang Bersama Ketaatan

Antara sebab terbesar keberkatan ialah ketaatan kepada Allah dan meninggalkan maksiat. Allah menjanjikan dalam Al-Quran:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya: "Jika sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertakwa, pasti Kami akan membuka kepada mereka pintu-pintu keberkatan dari langit dan bumi." (Surah al-A'raf, 7:96)

Ayat ini menegaskan bahawa keberkatan turun apabila manusia hidup dalam iman dan takwa—bukan sekadar bekerja keras tanpa arah hidayah.



Keberkatan Melalui Rezeki Yang Halal

Ramai mencari rezeki, tetapi tidak ramai yang memastikan rezeki itu halal sepenuhnya. Sedangkan rezeki yang tercemar dengan riba, rasuah, penipuan dan syubhah akan menghilangkan keberkatan hidup.

Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis sahih:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak menerima sesuatu melainkan yang baik." (Hadis riwayat Muslim)

Bahkan, Nabi ﷺ pernah menyebut tentang seorang lelaki yang berdoa kepada Allah tetapi makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram; maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?

Daripada sini jelas, keberkatan rezeki bermula dengan kehalalannya, bukan jumlahnya.

Keberkatan Hidup Dalam Solat

Solat adalah sumber keberkatan yang paling asas dalam hidup seorang Muslim. Orang yang menjaga solat akan dijaga oleh Allah dalam urusan yang lain.

Rasulullah ﷺ bersabda:

الصَّلَاةُ نُورٌ

Maksudnya: "Solat itu cahaya." (Hadis riwayat Muslim)

Solat memberi cahaya keberkatan dalam rezeki, keluarga, kesihatan dan keputusan hidup.

Bahkan Allah berfirman:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ

Maksudnya: "Perintahkanlah keluargamu mendirikan solat, dan bersabarlah dalam melaksanakannya. Kami tidak meminta rezeki darimu; Kamilah yang memberi rezeki kepadamu." (Surah Taha, 20:132)

Keberkatan Hidup Dalam Sedekah

Sedekah tidak pernah mengurangkan harta, bahkan meningkatkan keberkatannya.

Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Maksudnya: "Sedekah tidak akan mengurangkan harta."

(Hadis riwayat Muslim)

Keberkatan sedekah bukan hanya pada pahala, tetapi pada ketenangan, perlindungan, dan kelapangan rezeki.

Keberkatan Hidup Dalam Silaturrahim

Jika seseorang merasakan hidupnya sempit, masa terasa singkat, rezeki rasa tidak cukup, salah satu jalan mendapatkan ialah ﷺ keberkatan yang diajarkan Nabi .menghubungkan silaturrahim

Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَجْمَهُ

Maksudnya: "Sesiapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hubungkanlah silaturrahim."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Keberkatan hidup datang melalui hubungan yang baik dengan ibu bapa, adik-beradik, saudara mara dan sesiapa yang mempunyai pertalian darah.

Kesimpulan

Keberkatan hidup bukan kerja sehari, tetapi usaha sepanjang hayat bagi memastikan perjalanan hidup sentiasa dirahmati Allah SWT.

Keberkatan adalah anugerah Allah kepada hamba yang bersungguh-sungguh memelihara hubungan dengan-Nya.

MOTIVASI KERJA MELALUI NILAI IHSAN

Dalam suasana kerja yang semakin mencabar, ramai antara kita mencari cara untuk kekal bersemangat, fokus dan produktif. Dalam Islam, terdapat satu nilai yang menjadi sumber kekuatan dalaman bagi setiap pekerja iaitu nilai ihsan. Ihsan bukan sekadar konsep spiritual, tetapi asas kepada kecemerlangan peribadi dan profesional.

Ihsan membawa maksud melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya, seolah-olah kita melihat Allah. Dan sekalipun kita tidak melihat-Nya, yakinlah bahawa Allah sentiasa melihat kita.

Makna ihsan ini dijelaskan dalam hadis yang masyhur apabila Rasulullah SAW bersabda:

“Ihsan ialah engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau.”
(Riwayat Muslim)

Inilah nilai ihsan, iaitu bekerja dengan motivasi dalaman yang datang daripada kesedaran bahawa apa sahaja yang dilakukan, Allah mengetahuinya. Nilai ini menjadikan seseorang bekerja bukan sekadar untuk memenuhi arahan atau mengejar ganjaran duniawi, tetapi melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab kerana ia dinilai oleh Allah SWT.

Ihsan Sebagai Sumber Motivasi Kerja

1. Bekerja Dengan Tujuan yang Jelas

Apabila seseorang menyadari bahawa setiap tugas boleh menjadi ibadah, maka cara kita melihat kerja akan berubah sepenuhnya. Kita bekerja bukan lagi hanya untuk gaji, pangkat, pujian atau penilaian tahunan, tetapi untuk mengumpul pahala dan mendapat keredaan Allah. Inilah motivasi paling tinggi dan paling stabil dalam hidup. Firman Allah SWT:

“...Dan katakanlah: Beramallah kamu! Maka Allah akan melihat apa yang kamu kerjakan...”
(Surah At-Taubah, 9:105)

Ayat ini mengingatkan bahawa pekerjaan yang dilakukan dengan niat yang betul mendapat perhatian dan nilai di sisi Allah, walaupun tidak dilihat oleh manusia. Kesedaran ini melahirkan semangat yang lebih konsisten, kerana motivasinya datang dari dalam, bukan bergantung kepada situasi luar.

2. Menghasilkan Kerja Berkualiti Tinggi

Nilai ihsan mendorong kita untuk memberikan yang terbaik dalam setiap tugas. Seseorang yang beramal dengan ihsan tidak akan memandang remeh tugas kecil, tidak akan melakukan kerja secara sambil lewa, dan tidak akan menanggukuhkan amanah. Apabila pekerja mempraktikkan ihsan, mereka menjadi lebih teliti dalam melaksanakan tugas, lebih berdisiplin, lebih bertanggungjawab, lebih kreatif mencari penyelesaian terbaik.



3. Mengurangkan Tekanan & "Burnout"

Dalam dunia kerja yang pantas, tekanan adalah lumrah. Namun, nilai ihsan membantu seseorang bekerja dengan lebih seimbang, iaitu berusaha bersungguh-sungguh, tetapi menyerahkan hasilnya kepada Allah.

Firman Allah SWT:

"...Dan kepada Allah jualah hendaknya kamu berserah diri, jika benar kamu orang yang beriman."

(Surah Al-Maidah, 5:23)

Bila seseorang memahami konsep ihsan, dia tidak tertekan apabila hasil kerja tidak menepati harapan. Ia tetap berusaha yang terbaik, tetapi tidak meletakkan seluruh beban emosi pada keputusan yang di luar kawalannya. Ini menjadikan hati lebih tenang, fikiran lebih jernih dan emosi lebih stabil.

Pekerja yang beramal dengan ihsan juga tidak cenderung kepada budaya kerja berlebihan untuk dilihat rajin, kerana mereka tahu Allah menilai usaha yang jujur, bukan persepsi manusia.

4. Meningkatkan Integriti & Kepercayaan

Ihsan melahirkan individu yang berintegriti. Seseorang yang bekerja dengan ihsan akan bersikap jujur walaupun tiada sesiapa memerhati, kerana mereka sedar Allah sentiasa melihat.

Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu kerja, dia melaksanakannya dengan itqan (bersungguh-sungguh dan berkualiti)."

(Riwayat al-Baihaqi)

Hadis ini menegaskan bahawa kualiti, ketekunan dan integriti bukan sekadar nilai yang dihargai organisasi, tetapi nilai yang dicintai oleh Allah.

Apabila pekerja berintegriti, tempat kerja menjadi lebih aman dan seronok, wujud budaya saling percaya-mempercayai, dan organisasi menjadi lebih stabil kerana tiada penyelewengan, kelalaian atau salah guna amanah.

5. Menyuburkan Suasana Positif di Tempat Kerja

Ihsan bukan hanya melibatkan hubungan dengan Allah, tetapi turut mempengaruhi cara kita berinteraksi dengan manusia. Pekerja yang mengamalkan ihsan akan menjaga tutur kata, bersikap membantu, menghormati rakan sekerja, dan berusaha mewujudkan suasana kerja yang harmoni.

Rasulullah SAW bersabda:

"Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya."

(Riwayat Tirmizi)

Apabila akhlak dijadikan asas kerja, tempat kerja menjadi lebih tenteram, produktif dan kurang konflik. Suasana ini bukan hanya memberi kebaikan kepada individu, tetapi juga organisasi secara keseluruhan.

Kesimpulan

Nilai ihsan adalah asas kepada kecemerlangan seorang Muslim dalam dunia kerja. Ia bukan hanya meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, tetapi membentuk ketenangan jiwa, keikhlasan serta hubungan yang lebih baik dengan Allah SWT.

Setiap tugas sama ada kecil atau besar, mudah atau mencabar, ia menjadi peluang untuk kita mengumpul pahala dan mendekatkan diri kepada Allah apabila ia dilakukan dengan hati yang tulus dan kesungguhan yang tinggi.

Inilah juga kunci kepada kejayaan yang bukan sahaja berjaya di mata manusia, tetapi juga bernilai di sisi Allah SWT.

جاوي

ملايو دبومي مليسيا

بغسا ملايو مروفاکن تونجڅ سجاره دان قمبنتوقن مليسيا سجدق برابد لامان. کداتڅن اسلام، قمبينان کراجان ۲ ملايو، سرتا وجودن عادت دان بودايا ترسنديري منجاديکن ملايو ساتو بغسا يځ بوکن سهاج مميليقي ايدينتيتي اونیک، تتاقي جوک منجادي قومبځ اوتام کڅد جاتي ديري نگارا

سجاره ممبوقتیکن بهاوا بومي مليسيا هاري اين برکمبځ ملالوئي اوسها، قرجواڅن، دان کتکوهن نيلاي مشارکت ملايو. دري کسلطانن ملاک يځ ممقرکنلکن سيستم قننديرن، قرداڅن دان اوندڅ ۲، هيڅکله کڅد قرجواڅن توکوه ۲ کمردیکان، بغسا ملايو مماءينکن قرانن قننيځ دالم ممستيکن تانه اءير اين بييس، ستايل دان برداولت

بغسا ملايو جوک دايکت اوليه تيک کقواتن اوتام: اکام، بهاس دان عادت. اسلام منجادي اساس اخلاق دان چارا هيډوق. بهاس ملايو منجادي بهاس قرساتوان دان علمو. عادت ملايو قولا ممبنتوق بودي بهاس، حرمت- مڅحرمتي دان بودايا کومونيتي يځ هرموني

نامون، ملايو دبومي مليسيا هاري اين مڅهادقي چابرن بهارواروس گلوباليساسي، قرساءيڅن ايکونومي دان کريسيس جاتي ديري. چابرن اين منونتوت بغسا ملايو ممقرکوکوه قنديديقن، ميمقرکاسا ايکونومي، ممليهارا قرقادوان دان مڅکلکن نيلاي ۲ يځ منجادي اساس کقواتن بغسا سجدق دهولو ملايو تيدق بوليه هان بربڅک دڅن سجاره، تتاقي مستي ممبينا ماس دقن

اونتوق تروس ريلون، ملايو قرلو برقيجق قد تراديسي، برفيکير سچارا مودن، دان براوسها منجادي بغسا يځ برعلمو، براينتيگريتي سرتا برداي ساءيځ بومي مليسيا اداله تانه وارينن، تتاقي کبرلڅسوڅن بغسا دتننوکن اوليه اوسها کينراسي هاري اين. سلاکي ملايو ممکڅ اکام، ممليهارا بودايا، دان برساتو دالم توجوان، سلاکي ايت ايدينتيتي ملايو اکن تروس ککل مکه دبومي مليسيا

ORANG YANG MENINGGALKAN SOLAT, AMALAN BAIK YANG LAIN TIDAK DITERIMA?

Solat merupakan ibadah yang utama di dalam agama bahkan solat juga merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA.

Umat Islam wajib menjaga ibadah solat kerana ia merupakan ibadah yang pertama yang akan dihitung dan dihisab oleh Allah SWT di hari akhirat kelak. Berbalik kepada persoalan di atas, terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.A menceritakan bahawa jika baik dan sempurna solat maka baiklah amalan lainnya, sebaliknya jika buruk solatnya maka buruklah amalan lainnya.



Nabi SAW bersabda:

أَوَّلُ مَا يُخَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ
فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ لَهُ سَائِرُ عَمَلِهِ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ
سَائِرُ عَمَلِهِ

Maksudnya: Sesungguhnya amalan yang mula dihisab atas seseorang hamba pada hari kiamat adalah solat. Sekiranya baik solatnya maka baik segala amalannya, sekiranya buruk solatnya maka buruk segala amalannya. Riwayat al-Thabrani (1859)

Menurut Imam Ibnu Qayyim al-Jauzi sesiapa yang meninggalkan keseluruhan solat fardu maka segala amalannya tidak diterima hal ini kerana solat itu adalah tiang agama

Menurut pandangan mazhab al-Syafi'i, individu yang meninggalkan solat kerana malas pada masa yang sama tidak mengingkari kewajibannya maka ia dikategorikan sebagai fasik dan hendaklah bertaubat serta menggantikannya.

Oleh itu, disimpulkan bahawa meninggalkan solat merupakan perkara yang sangat berat dalam Islam. Ini kerana solat merupakan salah satu rukun Islam dan menjadi kewajipan bagi setiap individu muslim. Begitu juga solat sebagai tanda keimanan dan ketakwaan seseorang hamba kepada Allah SWT. Dengan meninggalkannya akan mengundang kemurkaan dan azab daripada Allah SWT.

DAH SELAWAT KE HARI NI



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

KEMPEN

JOM BERSELAWAT

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ



Sabda Rasulullah SAW :

Barangsiapa yang berselawat
kepadaku sekali Allah SWT
akan berselawat kepadanya
sepuluh kali.

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban






4 - 6 Disember 2025 (Selasa - Khamis) - Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan sesi Temuduga Zakat bagi pelajar yang layak bagi ketiga - tiga kampus.



10 November 2025 (Isnin) : Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said telah menerima lima (5) buah Portable Air Cooler sebagai kemudahan tambahan untuk para jemaah yang hadir menunaikan solat dan mengikuti program di Pusat Islam Sheikh Ahmad Said ini. Sumbangan ini telah disalurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) sebagai usaha memperkukuh keselesaan jemaah serta menyokong pengimarahannya rumah ibadah.

Penyediaan kemudahan ini diharapkan dapat mewujudkan suasana yang lebih kondusif, terutama pada waktu solat berjemaah, kuliah, serta program-program yang dianjurkan dari semasa ke semasa. Pihak UHEI UiTM Kampus Seremban mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada MAINS atas keprihatinan serta komitmen mereka dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat.



Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab
Pembantu Tadbir (HEI)

AKTIVITI : MUKTAMAR PENTADBIR HAL EHWAL ISLAM UiTM SELURUH SISTEM



11 & 12 Disember 2025 (Selasa & Rabu) : Telah berlangsung Program Mukhtar Pentadbir Hal Ehwat Islam dan Bicara Minda Hal Ehwat Islam UiTM Seluruh Sistem yang menghimpunkan pentadbir Hal Ehwat Islam dari seluruh kampus cawangan UiTM.

Hari pertama program dimulakan dengan ucapan perasmian Mukhtar Pentadbir dan Laporan Perancangan Strategik Hal Ehwat Islam 2021–2025 oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwat Islam (BHEI), Ustaz Haji Hanafi Haji Hamdani. Seterusnya, Laporan Pencapaian Perancangan Strategik Hal Ehwat Islam 2021–2025

Diteruskan lagi dengan Bengkel Hala Tuju Perancangan Strategik Hal Ehwat Islam 2026–2030, yang bertujuan merancang strategi baharu bagi memperkukuh pelaksanaan agenda Hal Ehwat Islam di UiTM.



13 November 2025 (Khamis) :

Program Bicara Ilmu – Maulidurrasul “Rasulullah,
Kami Merinduimu” Bersama Imam Muda Nazrul



16 November 2025 (Ahad) – Seramai 35 orang siswa & siswi UiTM Kampus Rembau, dari kalangan IPMM, JPK, KOMANDER dan AJK Pusat Islam dibawa khas ke Ladang Alam Warisan, Seri Menanti, Kuala Pilah.

Sempena program ISUNNAH CHALLENGE TO BE STRENGTH yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam UiTM Kampus Rembau. Di antara program dan aktiviti yang diadakan seperti berkuda, memanah, mengoca dan mandi sungai, juga diselangi dengan 'ice breaking' yang disampaikan oleh Tuan Mohd Akmal bin Dahlan iaitu pengasas Ladang Alam Warisan.

Banyak faedah dan pengajaran dari aktiviti yang dianjurkan. Semoga program seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang dengan lebih baik.

AKTIVITI : JERAYAWARA KURSI INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU



17 November 2025 (Isnin) – Program Kursi Institut Raja-Raja Melayu yang disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Amer Syakir Zainol, Penolong Naib Canselor (Pemeriksaan Adiwangsa), Universiti Teknologi MARA serta dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Omar Muhammad Kalash Timbalan Naib Canselor (Akedemik & Pengantarabangsaan), Innovative University College dan YB Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr. Awang Sariyan Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu beserta Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri.

Program ini bertujuan memperkukuh kefahaman peserta mengenai sejarah, struktur dan fungsi institusi Raja-Raja Melayu, di samping menyemai rasa hormat serta penghargaan terhadap warisan kesultanan Melayu. Penganjuran ini turut menggalakkan pengkajian ilmiah berkaitan institusi tersebut sebagai aset negara dan memupuk kesedaran tentang peranan Raja serta Perlembagaan dalam menjaga kestabilan dan perpaduan negara.

Oleh : Abdul Hadi Abd Wahab
Pembantu Tadbir (HEI)

AKTIVITI : PROGRAM KEMBARA INSAN PRIHATIN

20 – 23 November 2025 : Telah berlangsung Program Kembara Insan Prihatin bertemakan “Bersama Menyantuni, Bersatu Membantu” yang bertempat di Kampung Orang Asli Sungai Soi, Kuantan, Pahang.

Program ini telah dianjurkan oleh para mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam UiTM Kampus Seremban serta Persatuan IMSAs UiTM Kampus Seremban.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Aidil Haryman Bin Mat Nor, Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



SAHAM AKHIRAT



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan negeri sembilan
Kampus Kuala Pilah

**TABUNG PUSAT ISLAM
AL TAQWA**
KAMPUS KUALA PILAH
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

"JOM BERSEDEKAH"
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN1/02/22>

IMBAS QR CODE & DERMA

UNIT HAL EHWAL ISLAM
UNIT CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS KUALA PILAH

© hein9_k.pilah Unit Hal Ehwai Islam UiTM
Cawangan Negeri Sembilan



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Unit Hal Ehwai Islam
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

Tabung Pusat Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

IMBAS & DERMA

JOM BERSEDEKAH
[HTTPS://UITMPAY.UITM.EDU.MY/GIVING/PRODUCT/AAN3/02/23](https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/product/AAN3/02/23)

Unit Hal Ehwai Islam UiTM
Kampus Rembau



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

**TABUNG
PUSAT ISLAM**
SHEIKH HAJI AHMAD SAID
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

SCAN ME

Jom
BERSEDEKAH

Sedekah Membawa
Barakah!
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN2/02/24>

BEST CHOICE

UNIT HAL EHWAL ISLAM
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

Sumbangan Anda
Kami Hargai

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Timbalan Pendaftar (N12)

Ketua Unit Hal Ehwal Islam I UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

Jalan UiTM Rembau

71300 Rembau

Negeri Sembilan

Malaysia



06-6982354



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6342000



Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia



06-4832291



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

